

PENERBIT UMP Lancar Buku Software Testing



Kuantan, 28 Mei- Penerbit Universiti Malaysia Pahang (UMP) melancarkan buku tulisan Dekan Penyelidikan Jabatan Penyelidikan dan Inovasi (PNI) pada Siri Syaran Umum Profesor, di sini, barru-baru ini.

Penerbitan buku penyelidikan Profesor Dr Kamal Zuhairi Zamli yang juga dari Fakulti Sistem Komputer dan Kejuruteraan Perisian (FSKKP) bertajuk 'Combinatorial T-Way Testing' itu merupakan hasil kerjasama strategik antara pensyarah dengan pihak Penerbit dalam mengeluarkan buku yang berkualiti kepada masyarakat.



"Buku ini terhasil daripada usaha sama penyelidikan antara UMP dengan Universiti Umm Al-Qura yang dibiayai menerusi geran Pelan Jangka Masa Panjang untuk Sains, Teknologi dan Inovasi (LT-NPSTI), Arab Saudi.

"Buku ini memfokuskan kepada ujian interaksi (T-way testing) sebagai satu strategi untuk menguji sampel secara lebih bersistematik berdasarkan kekuatan interaksi," katanya, di sini.



Sementara itu, Pengarah Penerbit, Profesor Madya Dr Mohd Ghani Awang berkata, buku setebal 74 halaman itu boleh didapati di Pejabat Penerbit dengan harga RM34.20 senaskhah.



Katanya, buku itu juga turut sesuai digunakan oleh pelajar dan pensyarah Sains Komputer serta warga industri pengkomputeran sebagai bahan rujukan penting.

Berita disediakan oleh shalfarina Shahriman dari Pejabat Penerbit.

Posted By : SITI SARAH BINTI MOHAMAD RAJIMI Date Posted : 01-06-2015, 12:43:54